



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 15 JUN 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	IBADAH KORBAN, AKIKAH DIBENAR DI HALAM RUMAH, MASJID, NEGERI TERENGGANU, SH -28	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2. 3.	25 TAN DAGING BABI DARI SEPANYOL DIRAMPAS, NEGERI SELANGOR, SH -23 25 TAN DAGING BABI SEJUK BEKU DIRAMPAS, LOKAL, HM -3	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4. 5. 6. 7.	JAMINAN SEKURITI MAKANAN BERSKALA BESAR, NASIONAL, SH -10 NAFAS, ANGKASA PERKASA INDUSTRI AYAM - PM, DALAM NEGERI, UM -3 INDUSTRI AYAM: PM YAKIN KEMAMPUAN NAFAS, ANGKASA, LOKAL, HM -18 NAFAS, ANGKASA TANAM JAGUNG BIJIRIN SKALA BESAR, NASIONAL, BH -3	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
8.	SIFAR TUNAI AGROBANK PUPUK MINAT MENABUNG, BISNES, HM -23	AGROBANK
9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21.	EMPAT NEGERI SEDIA TAMBAH KELUASAN TANAH PERTANIAN, NASIONAL, BH -3 KAEDAH TANGANI BEKALAN AYAM, SELANGOR KINI -ONLINE MALAYSIA BENAR EKSPORT 3 JENIS AYAM KE SINGAPURA, NASIONAL, BH -19 TIRAM SUNGAI MERBOK, K2, KOSMO -19 TIRAM TERNAK, RASA LEMAK MANIS, K2, KOSMO -20 POTENSI INDUSTRI TIRAM SUNGAI MERBOK, K2, KOSMO -21 OH DURIAN PAHANG, NEGARA, KOSMO -10 PENGGUNA, PENIAGA DAPAT MANFAAT, NASIONAL, SH -18 JOHOR KENAL PASTI 1,214 HEKTAR TANAH, LOKAL, HM -18 PULIH TANAH TERBIAR, LOKAL, HM -11 PERKUKUH SEKTOR PERTANIAN, BISNES, HM -22 ADOPT SMART FARMING TOWARDS SUSTAINABLE FOOD SECURITY, NEWS, NST -10 'LET MARKET FORCES STABILISE FOOD PRICES', NEWS, NST -2	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2022	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU	28

Ibadah korban, akikah dibenar di halaman rumah, masjid

KUALA TERENGGANU - Umat Islam di Terengganu dibenarkan melakukan ibadah korban dan akikah sempena Hari Raya Aidiladha tahun ini di pekarangan rumah, masjid atau surau.

Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (Maidam), Datuk Shaikh Harun Shaikh Ismail berkata, ibadah itu juga boleh dilakukan di rumah sembelihan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), rumah sembelihan swasta yang berlesen atau kawasan lapang.

"Jumlah haiwan korban dan akikah serta jumlah petugas juga tidak dihadkan pada tahun ini.

"Namun, mana-mana masjid, surau atau premis yang ditutup di bawah Seksyen 18 (1)(d) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) tidak dibenarkan mengadakan sebarang aktiviti sepanjang tempoh itu.

"Sehubungan itu, kita minta semua pihak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Isnin.

Shaikh Harun berkata, solat sunat Aidiladha boleh dilaksanakan di masjid atau surau mengikut SOP Maidam pada 20 Mac lalu.

Jelas beliau, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) akan mengeluarkan garis panduan dan SOP pelaksanaan korban serta akikah untuk rujukan semua pihak yang bakal melaksanakan ibadah tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2022	SINAR HARIAN	NEGERI SELANGOR	23

25 tan daging babi dari Sepanyol dirampas

KLANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya mematahkan cubaan membawa masuk 25 tan daging babi sejuk beku bernilai RM282,000 dipercayai dari Sepanyol di Pelabuhan Klang pada Ahad lalu.

Pengarah Maqis Selangor, Mohd Sobri Md Hashim berkata, daging babi tersebut dikesan menerusi pemeriksaan ke atas sebuah kontena.

“Pemeriksaan mendapati kontena yang membawa dagangan daging babi sejuk beku itu tidak mematuhi syarat Permit Import yang dikeluarkan oleh Maqis.

“Pengimport yang membawa dagangan itu gagal mempamerkan nombor loji pemprosesan pada label barang dagangan tersebut seperti dinyatakan dalam syarat Permit Import,” katanya dalam kenyataan pada Selasa.

25 tan daging babi sejuk beku dirampas

Klang: Sebanyak 25 tan daging babi sejuk beku dari Sepanyol dianggarkan bernilai RM282,000 dirampas dalam pemeriksaan di Pelabuhan Klang Utara, di sini, Ahad lalu.

Tindakan itu diambil selepas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor melakukan pemeriksaan rutin kira-kira jam 12.30 tengah hari.

Pengarah Maqis Selangor, Mohd Sobri Md Hashim berkata, dalam pemeriksaan itu, pihaknya mendapati sebuah kontena yang membawa dagangan daging babi sejuk beku itu tidak mematuhi syarat permit import.

“Pengimport gagal mempamerkan nombor loji pemprosesan pada label barang dagangan itu seperti dinyatakan di dalam syarat permit import yang diluluskan.

“Berikutan itu, kesemua daging babi sejuk beku yang dianggarkan sebanyak 25,000 kilogram (kg) dengan nilai anggaran RM282,000 ditahan untuk tindakan lanjut,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, siasatan



Berikutan itu, kesemua daging babi sejuk beku yang dianggarkan sebanyak 25,000 kilogram (kg) dengan nilai anggaran RM282,000 ditahan untuk tindakan lanjut ”

Mohd Sobri

mendapati daging babi sejuk beku yang dibawa masuk oleh sebuah syarikat tempatan itu untuk pasaran dalam negara.

Katanya, kegagalan mematuhi syarat yang ditetapkan pada permit import Maqis menjadi kesalahan mengikut Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang boleh dikenakan tindakan mengikut Seksyen 15(2) akta sama.

“Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali,” katanya.

Jaminan sekuriti makanan skala besar

Usaha Nafas dan Angkasa diyakini dapat kurangkan kebergantungan terhadap import jagung bijirin

Oleh MUKHRIZ
MAT HUSIN
SHAH ALAM



Ismail Sabri ketika bertemu dengan Ahli Jemaah Pengarah Nafas dan Anggota Lembaga Angkasa bagi membincangkan mengenai langkah-langkah menjamin sekuriti makanan negara.

Usaha Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dalam menjamin sekuriti makanan secara skala besar diyakini dapat mengurangkan kebergantungan negara terhadap import jagung bijirin bagi kegunaan makanan ayam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia selaras dengan Saranan Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang mahu kerjasama awam dan swasta diperkukuh bagi meningkatkan hasil pertanian khususnya industri ternakan ayam.

"Bagi tujuan itu, Nafas telah mengenal pasti kawasan seluas 12,140 hektar di Kelantan dan Terengganu yang sebelum ini ditanam tembakau untuk tanaman jagung bijirin.

"Angkasa pula telah mengenal pasti kawasan seluas 4,000 hektar tanah di seluruh negara dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Setiap hektar mampu mengeluarkan lima tan jagung bijirin dan menampung sebanyak 20 peratus daripada keperluan import jagung bijirin dalam tempoh lima tahun ini," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Mengulas lanjut, Ahli Parlimen Bera itu berkata, Nafas dan Angkasa akan terlibat dalam ekosistem industri ayam bermula daripada anak ayam, makanan ternakan, vaksin, reban, pusat pemprosesan, bilik sejuk beku, logistik, pusat pengedaran dan pemasaran sehingga bekalan sampai kepada pengguna.

Menurutnya, Nafas menyasarkan untuk menguasai 20 peratus pasaran dengan pengeluaran sebanyak 144 juta ekor ayam setahun manakala Angkasa sebanyak 30 juta ekor ayam setahun.

"Pada pagi ini (Selasa), saya telah bertemu dengan Ahli

Jemaah Pengarah Nafas dan Anggota Lembaga Angkasa bagi membincangkan mengenai langkah-langkah menjamin sekuriti makanan negara.

"Saya yakin Nafas dan Angkasa berupaya membantu kerajaan menangani masalah kenaikan harga ayam dan bekalan makanan.

"Ini kerana Nafas mempunyai seramai sejuta ahli, manakala tujuh juta ahli berbangsa di bawah Angkasa melalui 14,835 koperasi," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berbangsa Angkasa juga diminta menerajui sektor koperasi dalam menangani kenalkan kos sara hidup.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

Nafas, Angkasa perkasa industri ayam - PM

PUTRAJAYA: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) akan terlibat dalam keseluruhan ekosistem industri ayam sebagai usaha kerajaan menjamin sekuriti makanan negara.

Langkah kedua-dua pertubuhan yang masing-masing mempunyai seramai sejuta dan tujuh juta ahli melalui 14,835 koperasi diyakini berupaya membantu kerajaan menangani masalah kenaikan harga ayam dan bekalan makanan.

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, ini bermakna Nafas dan Angkasa terlibat dalam industri

ayam bermula daripada anak ayam, makanan temakan, vaksin, reban, pusat pemprosesan, bilik sejuk beku, logistik, pusat pengedaran dan pemasaran sehingga bekalan sampai kepada pengguna.

Jelas beliau, Nafas menyasarkan untuk menguasai 20 peratus pasaran dengan pengeluaran sebanyak 144 juta ekor setahun manakala Angkasa sebanyak 30 juta ekor setahun.

“Kerajaan menyambut baik inisiatif Nafas dan Angkasa untuk terlibat secara signifikan dalam industri temakan ayam selaras dengan saranan Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang mahu kerjasama awam

dan swasta diperkukuh bagi meningkatkan hasil pertanian khususnya industri temakan ayam,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri mengadakan pertemuan dengan Ahli Jemaah Pengarah Nafas dan Anggota Lembaga Angkasa bagi membincangkan mengenai langkah menjamin sekuriti makanan negara.

Ismail Sabri berkata, Nafas dan Angkasa akan lebih proaktif dalam industri penanaman jagung bijirin bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap import bahan mentah untuk makanan ayam.

Bagi tujuan itu, Nafas men-

genal pasti kawasan seluas 12,140 hektar di Kelantan dan Terengganu yang sebelum ini ditanam dengan tembakau untuk tanaman jagung bijirin.

Angkasa pula mengenal pasti kawasan seluas 4,000 hektar tanah di seluruh negara dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

“Setiap hektar mampu mengeluarkan lima tan jagung bijirin dan menampung sebanyak 20 peratus daripada keperluan import jagung bijirin dalam tempoh lima tahun ini,” katanya.

Perdana Menteri turut meminta Angkasa menerajui sektor koperasi dalam menangani kenaikan kos sara hidup.

Industri ayam: PM yakin kemampuan Nafas, Angkasa

Kuala Lumpur: Kerajaan menyambut baik inisiatif Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Angkasa (Nafas) dan Angkasa Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) untuk terbabit secara signifikan dalam industri ternakan ayam.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ia selaras saranan Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang mahu kerjasama awam dan swasta diperkukuh bagi meningkatkan hasil pertanian khususnya industri ternakan ayam.

"Pagi ini, saya bertemu Ahli Jemaah Pengarah Nafas dan Angkasa bagi membincangkan mengenai langkah menjamin sekuriti makanan negara.

"Nafas dan Angkasa terlibat dalam ekosistem industri ayam, bermula daripada anak ayam, makanan ternakan, vaksin, reban, pusat pemprosesan, bilik sejuk beku, logistik, pusat pengedaran dan pemasaran sehingga sampai kepada pengguna," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, Nafas menyarankan menguasai 20 peratus pasaran dengan pengeluaran 144 juta ayam setahun manakala Angkasa

30 juta ayam setahun.

"Nafas dan Angkasa lebih proaktif dalam industri penanaman jagung bijirin bagi mengurangkan bergantungung negara terhadap import bahan mentah untuk makanan ayam," katanya.

Menurutnya, bagi tujuan itu, Nafas mengenal pasti kawasan seluas 12,140 hektar di Kelantan dan Terengganu yang sebelum ini ditanam dengan tembakau untuk ditanam jagung bijirin.

"Angkasa mengenal pasti kawasan seluas 4,000 hektar tanah di seluruh negara dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

"Setiap hektar mampu mengeluarkan 5 tan jagung bijirin dan menampung 20 peratus daripada keperluan import jagung bijirin dalam tempoh lima tahun ini," katanya.

Katanya, usaha Nafas dan Angkasa yang berskala besar ini diyakini mengurangkan bergantungung negara terhadap jagung bijirin sebagai makanan ayam.

"Saya yakin Nafas dan Angkasa berupaya membantu kerajaan menangani isu kenaikan harga ayam dan bekalan makanan," katanya," katanya.

NAFAS, ANGKASA tanam jagung bijirin skala besar

Usaha kurangkan kebergantungan bekalan makanan import untuk ternakan ayam

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) akan mengusahakan tanaman jagung bijirin berskala besar dalam usaha mengurangkan kebergantungan bekalan makanan import khususnya kepada ternakan ayam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata NAFAS turut menyasarkan untuk menguasai 20 peratus pasaran dengan pengeluaran sebanyak 144 juta ekor ayam setahun, se-

mentara 30 juta ayam dibekalkan ANGKASA.

Beliau berkata, inisiatif menerusi kerjasama awam dan swasta ini, berupaya meningkatkan hasil pertanian khususnya industri ternakan ayam, selain diyakini mengurangkan kebergantungan negara terhadap bekalan jagung bijirin import bagi kegunaan makanan ternakan itu.

"NAFAS dan ANGKASA akan terlibat dalam ekosistem industri ayam bermula daripada anak ayam, makanan ternakan, vak-

sin, reban, pusat pemrosesan, bilik sejuk beku, logistik, pusat pengedaran dan pemasaran sehingga bekalan sampai kepada pengguna.

"NAFAS dan ANGKASA juga akan lebih proaktif dalam industri penanaman jagung bijirin, bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap import bahan mentah untuk makanan ayam," katanya dalam kenyataan, semalam.

Terdahulu, pagi semalam, beliau memaklumkan bertemu Ah-

li Jemaah Pengarah NAFAS dan Ahli Lembaga ANGKASA, bagi membincangkan mengenai langkah menjamin sekuriti makanan negara.

"Kerajaan menyambut baik inisiatif NAFAS dan ANGKASA untuk terlibat secara signifikan dalam industri ternakan ayam," katanya.

Bagi mencapai hasrat itu, Ismail Sabri berkata, NAFAS sudah mengenal pasti kawasan seluas 12,140 hektar di Kelantan dan Terengganu yang sebelum ini ditanam tembakau untuk tanaman jagung bijirin.

"ANGKASA pula sudah mengenal pasti kawasan seluas 4,000 hektar di seluruh negara dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Setiap hektar mampu mengeluarkan lima tan jagung bijirin dan menampung sebanyak 20 peratus daripada keperluan import jagung bijirin dalam tempoh lima tahun ini," katanya.

Beliau yakin, NAFAS dan ANGKASA berupaya membantu

NAFAS dan ANGKASA akan terbabit dalam ekosistem industri ayam bermula daripada anak ayam, makanan ternakan, vaksin, reban, pusat pemrosesan, bilik sejuk beku, logistik, pusat pengedaran dan pemasaran sehingga bekalan sampai kepada pengguna

Ismail Sabri
Yaakob,
Perdana Menteri



kerajaan menangani masalah kenaikan harga ayam dan bekalan makanannya, sekali gus menjamin bekalan serta harganya di pasaran.

"NAFAS mempunyai sejuta ahli, manakala tujuh juta ahli beranggotakan di bawah ANGKASA melalui 14,835 koperasi.

"ANGKASA juga diminta menerajui sektor koperasi dalam menangani kenalkan kos sara hidup," katanya.



Kawasan seluas 12,140 hektar di Kelantan dan Terengganu dikenal pasti untuk tanaman jagung berskala besar. (Foto hiasan)

Empat negeri sedia tambah keluasan tanah pertanian

Kuala Lumpur: Beberapa kerajaan negeri bersedia menambah keluasan tanah pertanian, termasuk memajukan tanah terbiar bagi meningkatkan bekalan makanan negara.

Di Johor, kerajaannya mengenal pasti 1,214 hektar tanah untuk diusahakan dengan tanaman bernilai tinggi, bagi menangani krisis bekalan makanan.

Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi, berkata langkah itu akan memastikan bekalan makanan negeri sentiasa terjamin, sekali gus mengelakkan krisis bekalan.

"Saya menggesa supaya kita turut menguasai setiap aktiviti dalam rantaian nilai ekonomi makanan ini bagi menjadikan hasrat 'dari ladang ke meja makan' akan menjadi kenyataan," katanya di sini, semalam.

Beliau mengulas keputusan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang memutuskan lima langkah diambil bagi menjamin sekuriti makanan negara.

Langkah itu termasuk meningkatkan kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri dalam usaha menambah kelu-

san tanah bagi kegunaan pertanian untuk mengurangkan kebergantungan kepada import makanan.

Sementara itu di Kuala Terengganu, kerajaan negeri menyediakan peruntukan sebanyak RM600,000 untuk program pembangunan tanah terbiar sebagai projek pertanian.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar, Dr Azman Ibrahim, berkata dana itu boleh digunakan untuk tujuan pemberibasan tanah dan menyediakan pagar dan sistem perparitan.

"Kita menyasarkan akan membangunkan lebih 100 hektar tanah terbiar setahun.

"Sebanyak 1,000 hektar tanah terbiar sudah dibangunkan kerajaan dengan pelbagai projek pertanian sejak tahun 2008," katanya.

Di Georgetown, kerajaan Pulau Pinang mengenal pasti tanah terbiar yang berpotensi dibangunkan sebagai kawasan pertanian, bagi menjamin sekuriti makanan dalam jangka panjang.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar serta Kesihatan negeri, Dr Norlela Ariffin, berkata beliau berhubung dengan Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang untuk semakan maklumat semua tanah terbiar milik kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

"Proses mengenal pasti tanah tidak produktif, antaranya dimiliki FELCRA Berhad, Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Jabatan Pertanian, sudah dimulakan.

"Usaha itu turut membabitkan tanah rintis milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan persembungan yang berpotensi dimanfaatkan untuk tujuan berkenaan," katanya.

Sementara itu di Seremban, kerajaan negeri sedia bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi meningkatkan keluasan tanah untuk melaksanakan projek pengeluaran makanan bagi keperluan orang ramai.

Pengerusi Jawatankuasa Ber-

Saya menggesa supaya kita turut menguasai setiap aktiviti dalam rantaian nilai ekonomi makanan ini bagi menjadikan hasrat 'dari ladang ke meja makan' menjadi kenyataan

Onn Hafiz Ghazi,
Menteri Besar
Johor



tindak Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir, berkata kerajaan akan menambah keluasan tanah atau memulihkan tanah terbiar untuk projek penternakan dan pertanian.

"Kerajaan negeri sentiasa proaktif memajukan sektor makanan dan pelbagai projek sudah dan sedang diusahakan bagi menambah pengeluaran makanan untuk rakyat.

"Ia termasuk memulih dan memajukan kolam serta tanah terbiar dengan projek ekonomi," katanya.

Sifar Tunai Agrobank pupuk minat menabung

Kuala Lumpur: Agrobank melancarkan Program Sifar Tunai dalam kalangan pelajar sekolah bagi memupuk sikap suka menabung serta cermat dalam pengurusan transaksi tanpa tunai khususnya untuk mempersiapkan mereka dengan ilmu pengurusan kewangan yang betul di awal usia.

Ketua Pegawai Pembangunan Agrobank, Aminuddin Amenon berkata, program ini dibangunkan dengan meletakkan fokus di peringkat sekolah dengan objektif untuk menyemai budaya pengurusan wang yang betul supaya golongan muda lebih bersedia dan bijak menjalankan transaksi secara digital.

"Secara amnya, transaksi tanpa tunai dalam kalangan rakyat Malaysia kini kian meningkat berikutan gaya pembelian secara dalam talian yang nyata lebih popular kerana ia memudahkan pelanggan membuat bayaran terus tanpa perlu mengeluarkan wang di bank secara fizikal.

"Walaupun konsep transaksi tanpa tunai ini mudah dan cepat, namun tidak dinafikan ia juga turut menyumbang kepada sikap bo-

ros disebabkan perbelanjaan yang tidak dipantau atau dikawal dengan baik.

"Justeru, adalah wajar untuk memupuk kesedaran diperingkat awal dengan pembabitan ibu bapa itu sendiri dalam memantau perbelanjaan anak-anak mereka di sekolah," katanya di majlis pelancaran program itu baru-baru ini.

Program Sifar Tunai Jaringan Dan Jalinan Antara Agrobank Bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur (SM-KAKL) adalah inisiatif sulung Agrobank yang dijalankan dengan kerjasama Koperasi sekolah, Koperasi

Sekolah Menengah Agama Kuala Lumpur Berhad yang dilantik sebagai ejen kepada Agrobank dalam menyediakan perkhidmatan perbankan kepada komuniti sekolah.

Katanya, menerusi program ini, ibu bapa pelajar hanya perlu mendepositkan wang permulaan RM50 dalam akaun pelajar yang disertakan dengan pakej perlindungan kemalangan diri di bawah produk Takaful Kasih Plus-i serta kad debit untuk pelajar.

“Wajar memupuk kesedaran diperingkat awal dengan pembabitan ibu bapa Aminuddin

15 JUN, 2022

Kaedah tangani bekalan ayam

SelangorKini, Malaysia

Page 1 of 3

Krisis bekalan makanan khususnya ayam daging semakin meruncing sejak kebelakangan ini. NatiJahnya harga makanan itu melambung sehingga menjejaskan kebanyakan pengguna.

Kerajaan Negeri pantas mengatasi masalah berkenaan dengan menawarkan produk ayam daging menerusi Juatan Prihatin Rakyat. Harga juatan juga lebih rendah daripada pasaran sekali gus melegakan ramai rakyat Selangor.

Wartawan NADIAH ZAMLUS menemu bual EXCO Permodalan Pertanian Ir Izham Hashim yang mengupas isu masalah bekalan ayam daging serta jaminan bekalan makanan pada 1 Jun lepas.

Sejauh mana Program Intervensi Harga yang dijalankan Kerajaan Selangor membantu rakyat di negeri ini?

Program Intervensi Harga bermula Februari dan tamat pada awal Mei lepas. Tidak dinafikan ia mendapat kejayaan luar biasa. Masa itu kita hanya letak enam produk iaitu produk asasi dan keperluan harian buat rakyat. Utamanya ayam, telur ayam, daging lembu dan ikan.

Kemudian kita tambah santan dan minyak masak menjelang hari raya. Enam produk ini keperluan tinggi dan kita bimbang waktu perayaan ada masalah kekurangan bekalan serta peningkatan harga. Kami anggap program ini berjaya kerana kita boleh jual dengan harga subsidi. Contohnya ayam kalau harga RM16, kita cuma jual RM12 pada waktu itu. Daging lembu dulu sekilo RM40, tapi kita RM35. Telur ayam gred B, RM12.90 kita jual hanya RM10 satu papan. Lagi satu minyak masak, satu pek kita jual RM2 saja berbanding RM2.70 di pasaran.

Untuk makluman, kita beri subsidi RM1 juta dari Februari sehingga penghujung April bagi menjayakan program berkenaan. Apa yang kerajaan usahakan memang beri impak besar kepada rakyat dan kurangkan kos serta beban kehidupan mereka, juga kekalkan bekalan. Memang tidak dengar masalah kurang atau putus bekalan terutama Ramadan dan waktu perayaan. Isu terputus bekalan ayam hanya berlaku baru-baru ini sahaja.

Apabila bekalan ayam tidak stabil, harga akan naik. Bagaimana Kerajaan Negeri laksana program berkenaan? Adakah harga naik juga walaui Kerajaan Selangor berusaha tambah bekalan ayam kepada 20,000 ekor sehari mulai Jun?

Sudah tentu kita tidak boleh ikut harga asal semasa Juatan Prihatin Rakyat. Perkara penting pada waktu ini pastikan bekalan ada dan cukup. Cuma untuk harga, kita ada pengurangan sebanyak RM1 berbanding pasaran. Contohnya di pasaran RM16, kita akan jual RM15. Kerana paling penting kita hendak stabilkan pasaran ayam. Dulu 4,000

ekor ayam sehari dan sudah naik kepada 20,000 sehari sejak awal Jun.

Bagaimana situasi bekalan ayam di Selangor?

Penduduk di Selangor ada 6.7 juta orang dan tidak lama lagi mencecah tujuh juta orang. Saya buat semakan dengan penternak ayam Selangor. Mereka keluarkan 15 juta ekor ayam dalam satu kitaran. Satu kitaran bersamaan kira-kira dua bulan. Purata sebulan mungkin tujuh juta ekor ayam dikeluarkan.

Kita boleh buat andapan, penduduk di negeri ini makan dua ekor ayam dalam sebulan. Sebab itu, sebenarnya kita perlukan 15 juta ayam sebulan. Bila lihat pada pengeluaran, kita mampu keluarkan 50 peratus sahaja. Tetapi saya kena ingatkan, tidak semua pengeluaran penternak Selangor hanya untuk negeri ini. Sebab ada ayam mereka dipasarkan ke luar Selangor dan luar negara terutama Singapura. Keyakinan saya mengatakan, ayam untuk Selangor sebulan ada 30 peratus sahaja. Disebabkan tidak cukup, kita sendiri ambil ayam dari luar seperti Thailand.

Apakah kaedah untuk cukupkan bekalan ayam?

Pertama, sebahagian penduduk



Kaedah tangani bekalan ayam



kena kurangkan makan ayam. Cuba tukar kepada protein lain. Saya tidak bagi formula berhenti makan ayam. Itu cadangan yang tidak masuk akal. Kita cuma kurangkan dan ganti dengan protein lain seperti ikan atau daging lembu. Ya, memang orang kata daging ayam ini sumber protein murah. Tapi sejak ayam mahal, harga ikan kurang

kompetitif. Kedua, kena tingkatkan pengeluaran ayam. Usahakan yang baharu atau yang sedia ada untuk buat penambahan dari segi hasil dan ketiga import. Cadangan ini untuk jangka masa segera atau sederhana yang kita boleh buat.

Untuk jangka panjang, kita kena ada usaha supaya masalah sebegini diselesaikan lebih pantas. Sebab ayam sudah menjadi makanan utama untuk semua, lebih-lebih lagi anak-anak muda

Masalah pertama yang dan kita kena selesai ialah isu makanan ayam. Ini isu besar. Jagung bijirin untuk makanan ayam tidak sama dengan kita makan. 95 peratus jagung ini kita import, sebelum pandemik harganya untuk satu tan ialah RM1,000 tetapi sekarang RM2,600 untuk satu tan. 50 peratus jagung ini digunakan dalam makanan ayam. Bijirin jagung ini akan dicampur dengan padi, hampas soya, hancuran ikan dan kemudian dijadikan palet. 95 peratus harga ayam berpunca daripada kenaikan harga makanannya. Macam mana kita hendak kawal harga ayam? Kawal makanannya. Sebab itu kita cuba tanam jagung ini.

Dahulu tidak tanam sebab katanya tanah di Malaysia tidak sesuai. Sebab itu mula-mula jadi EXCO permodalan pertanian dua tahun dulu saya bekerjasama dengan sebuah syarikat.

Mereka usahakan dan kaji mengenai jagung ayam. Kerajaan Negeri bagi tanah di Sungai Tinggi, Sabak Bernam untuk lanan dan kaji. Mana tahu kita boleh kurangkan import. Nilai import jagung ayam di negara kita adalah RM7 bilion setahun. Jika boleh kurangkan ketergantungan kita juga bantu kadar pertukaran wang asing, bantu tingkat hasil petani dan tingkatkan hasil ayam dalam negara.

Kaedah kedua cari makanan alternatif untuk ayam. Kita kerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan kaedah itu sudah ada. Kami melihat kaedah alternatif ini kurangkan sebahagian harga makanan ayam. Malah bantu tumbesaran mereka. Sekarang sudah buat secara komersial dan berjaya. Kita setuju teknologi itu dibangunkan di Selangor.

Kaedah ketiga ialah atasi masalah baka. Sekarang induk ada masalah sebab baka sudah uzur. Bila sudah tua dan tidak diganti, ia menyebabkan kualiti anak ayam tidak mencapai piawai kerana ayam kecil. Sebab itu saya sebut dalam rantalan bekalan makanan, baka atau benih kena jaga. Bila tidak bagus akan ganggu rantalan bekalan.

Kaedah keempat adalah atasi isu pekerja. Sebab itu ayam sebelum pandemik dan sekarang saiznya

15 JUN, 2022

Kaedah tangani bekalan ayam

SelangorKini, Malaysia

Page 2 of 3



“
Kerajaan Negeri ada usaha untuk bantu rakyat supaya bekalan makanan mereka tidak putus. Bidang kuasa berhubung ayam terputus bekalan ini bukan bidang kuasa negeri, tetapi kita bantu, malah harga yang dijual murah RM1 berbanding pasaran
”

berbeza. Ayam sekarang lebih kecil sebab mereka kurangkan makanan. Semua faktor ini menyumbang kepada peningkatan kos.

Susulan peningkatan pengeluaran ayam kepada 20,000 ekor sehari, di manakah ayam berkenaan diletakkan?

Kita kenal pasti 67 tempat sesuai untuk tambah ayam ini. Ia akan diletak di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), premis Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) atau KoHijrah. Semua tempat ini kita akan kaji dari semasa ke semasa dan keutamaan kepada tempat yang kurang bekalan ayam. Oleh itu, siapa terputus bekalan ayam boleh terus ke lokasi yang saya sebutkan, sebab semua tempat ini memang selalu ada. Setakat ini tiada had untuk orang ramai beli. Kita akan teruskan sehingga hari raya Aidiladha.

Ayam yang ditambah ini tidak akan diberi kepada pasar raya sebab mereka

ada sumber sendiri. Memang ada orang cakap, macamlah ayam akan cukup. Tapi Kerajaan Negeri ada usaha untuk bantu rakyat supaya bekalan makanan mereka tidak putus. Bidang kuasa berhubung ayam terputus bekalan ini bukan bidang kuasa negeri, tetapi kita bantu, malah harga yang dijual murah RM1 berbanding pasaran.

Bagaimana perkembangan program jaminan bekalan makanan?

Untuk tingkatkan hasil pengeluaran di Selangor kita perlu tanam tanaman bernilai tinggi seperti golden melon. Kenapa fokus bernilai tinggi? Kerana tanah di Selangor mahal. Ada kalanya kita tidak perlukan tanah, tapi hanya bangunan. Di Shamelin contohnya, ada pengusaha tanam salad bernilai tinggi. Mereka memanfaatkan bangunan yang tidak digunakan. Tapi kena tanam salad bernilai tinggi. Tidak boleh tanam sayur biasa sebab nanti tidak pulang kos dan rugi.

Selain golden melon dan salad bernilai tinggi, kita juga fokus tanaman lemon yang baunya seperti serai wangi. Banyak diguna untuk produk kosmetik. Tanaman ini sudah dikaji selama tujuh tahun di Sekinchan dan akan dibangunkan tidak lama lagi untuk pasaran. Nangka jenis D33 juga berdepan kekurangan. Begitu juga halia, kita akan tanam. Untuk pengetahuan kita import halia bernilai RM300 juta setahun. Jadi kenapa kita tidak tanam sendiri? Terutama halia hitam, banyak kegunaannya. Biarlah kita pelbagaikan dan apa yang kita bangunkan cuba untuk dipasarkan ke luar negara.

Selangor kalau hendak bangunkan makanan atau pertanian tidak boleh lari daripada teknologi. Teknologi baharu akan menarik minat anak

muda dan wanita terbahit pertanian dan menjana pendapatan lumayan. Secara tidak langsung menambah penglibatan warga tempatan dalam industri tani.

Namun, perkara paling penting ialah kita kena melibat rantaian bekalan makanan secara menyeluruh. Mahu tanam tetapi tidak tahu pasaran. Sebab itu kena tengok masalah ini daripada isu benih sehingga ke pemasaran. Isu penyimpanan juga penting.

Pandangan mengenai kartel pertanian yang cuba kawal pasaran?

Kartel adalah syarikat besar berpakat mengawal pasaran atau monopoli. Contoh trend daging beku. Ada syarikat tertentu yang mengawalinya. Kemudian baja, racun dan makanan ayam. Macam jagung yang saya sebutkan tadi, 95 peratus diimport dan syarikat besar inilah yang mengawal harga. Mereka kawal pasaran.

Bagaimanapun bagi isu bekalan ayam ia bukan masalah kartel. Memang sebenarnya pengeluaran ayam ini ada masalah sejak awal. Yang saya sebutkan tadi, daripada makanan jagung, pekerja, baka selain isu pengurusan permit dan penyakit ayam. Apabila kos perniagaan meningkat susah untuk bertahan. Justeru mereka akan kurangkan pengeluaran dan kurangkan makanan supaya dapat meneruskan kelangsungan perniagaan. Ini bukan isu kartel. Lagipun ayam mentah ini produk terkawal oleh kerajaan. Orang tengok macam kartel tetapi sebenarnya isu perniagaan.

Bagaimana YB melihat kerjasama antara Selangor dan Negeri Sembilan membangunkan tanah bagi tanaman jagung bijirin?

Kita akan buat berperingkat. Sekarang membabitkan tanah seluas 700 ekar dengan jangkaan penghasilan bijirin sebanyak tujuh tan bagi satu ekar. Jumlahnya mungkin 4,900 tan. Setahun hasilnya dua kali. Jadi keseluruhan mungkin 9,800 tan.

Sebenarnya, jumlah bijirin yang akan dihasilkan belum dapat menampung keperluan industri ternakan. Kita import berbilion jagung. Pada saya, kena tanam 10,000 ekar untuk dapatkan impak. Ternakan ayam ini sangat besar dan macam negeri yang banyak tanah seperti Sabah, Sarawak dan Pahang boleh buat pelaburan dan usahakan apa yang kita buat ini. Ya, kita boleh usahasama. Memang kita tidak boleh beri bijirin ayam 100 peratus tetapi sekurang-kurangnya kita hasilkan sendiri 30 peratus bijirin untuk ternakan ayam.



15 JUN, 2022

Kaedah tangani bekalan ayam

SelangorKini, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

Krisis bekalan makanan khususnya ayam daging semakin meruncing sejak kebelakangan ini. Natiyahnya harga makanan itu melambung sehingga menjejaskan kebanyakan pengguna. Kerajaan Negeri pantas mengatasi masalah berkenaan dengan menawarkan produk ayam daging menerusi Jualan Prihatin Rakyat. Harga jualan juga lebih rendah daripada pasaran sekali gus melegakan ramai rakyat Selangor. Wartawan NADIAH ZAMLUS menemu bual EXCO Permodenan Pertanian Ir Izham Hashim yang mengupas isu masalah bekalan ayam daging serta jaminan bekalan makanan pada 1 Jun lepas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

Malaysia benar eksport 3 jenis ayam ke Singapura

Larangan untuk ayam pedaging komersial masih kekal

Oleh Mahani Isbak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) membenarkan eksport tiga kategori ayam hidup ke Singapura.

Sumber kementerian itu memberitahu, keputusan berkenaan dibuat hasil mesyuarat Kabinet yang berlangsung pada 8 Jun lalu.

“Bagaimanapun, kebenaran eksport ayam hidup itu hanya membabitkan ayam kampung, ‘coloured bird’ dan ayam hitam, manakala larangan import untuk ayam pedaging komersial masih kekal.

“Dalam mesyuarat sama, kebenaran eksport berkenaan diberikan pada semua produk tam-bah nilai ayam dan anak ayam usia sehari daripada ibu baka ayam (*day old chick parent sto-*

ck),” katanya kepada BH, semalam.

Beliau mengulas laporan portal *Free Malaysia Today* yang metik laporan *The Straits Times* (ST) yang melaporkan, Malaysia menarik balik sebahagian larangannya terhadap eksport ayam dengan sekurang-kurangnya satu pengedar ayam di Singapura mendapati ayam kampung hidup dari Malaysia.

Menurut pengimport Kee Song Food, melalui surat daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), ia membenarkan syarikat itu menyambung semula pengimportan ayam kampung hidup

mulai semalam.

Susulan itu, bekalan ayam hitam dari Malaysia akan mula dibenarkan mulai Sabtu atau 18 Jun ini.

Bagaimanapun, larangan eksport ayam pedaging komersial adalah kekal.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan Malaysia menghentikan pengeksportan 3.6 juta ayam sebulan berkuat kuasa 1 Jun lalu.

Katanya, larangan berkenaan dibuat sehingga harga dan pengeluaran ayam dalam negara kembali stabil.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2022	KOSMO	K2	19



Menyusmi
Hidup Anda

RABU 15/06/2022

Tiram Sungai Merbok

PENTERNAKAN tiram di dua ladang ternakan di Kampung Sungai Batu Besi dan Segantang Garam, Kuala Muda, Kedah semakin berkembang dan mendapat permintaan tinggi ekoran rasanya manis dan berlemak.

Kosmo!

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2022	KOSMO	K2	20



MOHAMAD RIDZWAN menunjukkan tram yang diternaknya di pelantar Tiram Sungai Merbok di Kampung Sungai Batu Besi, Merbok baru-baru ini.

Tiram ternak, rasa lemak manis



Rencana
Utama

Oleh
NORLIDA
AKMAR IDROS

DARI jauh kelibatan sosok tubuh seorang lelaki tekun membersihkan tiram daripada teritip dan siput kecil lain yang melekat pada cangkerangnya.

Satu persatu tiram yang diternaknya itu diperiksa dengan teliti sebelum dimasukkan kembali mengikut saiz ke dalam Sungai Merbok sehingga mencapai saiz diperlukan dalam pasaran.

Begitulah proses yang perlu dilakukan berulang kali oleh penternak tiram, Mohamad Ridwan Ishak, 51, di pelantar ternakan Tiram Sungai Merbok di Kampung Sungai Batu Besi, Merbok dalam daerah Kuala Muda, Kedah.

Menurut Mohamad Ridwan atau lebih mesra dikenali dengan panggilan Pak Su, terdapat kira-kira 50,000 tiram jenis *Crassostrea* (*C. Belcheri* dan *C. Iredalei*) di dua ladang ternakannya iaitu di Kampung Sungai Batu Besi dan



TIRAM yang diternak perlu dibersihkan daripada teritip dan siput kecil lain yang melekat pada cangkerangnya.

Segantang Garam.

Katanya, dua ladang ternakan tersebut terletak di jajaran sungai yang sama iaitu Sungai Merbok dengan jarak kira-kira 12 kilometer.

"Proses penjagaan tiram selama kira-kira setahun memerlukan ketekunan

dan konsistensi bagi memastikan ia dapat hidup dan membesar dengan baik di sungai ini.

"Tiram sangat sensitif yang mana kualiti air sungai perlu dijaga supaya tidak tercemar dengan sisa buangan termasuk daripada industri dan minyak

dari bot," katanya.

Jelasnya, dia juga perlu memastikan kawasan ternakan itu juga kaya dengan plankton yang menjadi sumber makanan tiram.

"Di sepanjang sungai Merbok ini, terdapat hutan paya bakau yang mana ia sangat penting kepada ekosistem alam semula jadi, selain menggalakkan kewujudan plankton," ujarnya yang merupakan bapa kepada enam orang anak.

Katanya, dia juga terlibat dalam aktiviti penanaman pokok bakau yang dianjurkan Kelab Pendidikan dan Kebajikan Lembah Bujang (Kelab Puncak).

"Kalau hilang pokok bakau, hilanglah juga habitat kepada hidupan di sungai ini seperti ikan, ketam dan siput," katanya.

Menurut Pak Su, selain memerlukan air sungai yang tidak tercemar, tiram juga perlu berada dalam air dengan tahap kemasinan tertentu.

"Saya juga perlu pastikan tiada ketam di kawasan ternakan ini kerana haiwan itu menjadikan tiram sebagai makanannya," jelasnya.

Katanya, segala proses penjagaan itu dipelajari sendiri berdasarkan pengalaman serta tunjuk ajar daripada pakar tiram yang merupakan profesor dari Universiti Sains Malaysia (USM),

INFO**Khasiat tiram**

- Baik untuk kesihatan jantung
- Bantu mengurangkan berat badan
- Membina tulang yang kuat
- Menguatkan khasiat dalaman lelaki dan wanita

Profesor Datuk Dr. Aileen Tan Swu Hwa. "Bantuan daripada USM ini adalah menerusi program penternakan tiram (altu pemindahan ilmu dari universiti kepada komuniti)," katanya.

Bercerita tentang pembabitannya dalam industri ternakan tiram, menurut Pak Su, dia bermula dengan satu rakit diperbuat daripada kayu dan tong terbuang di Kampung Sungai Batu Besi pada 2012.

"Pada masa itu, saya hanya bercadang untuk kutip benih ikan dari nelayan di sepanjang Sungai Merbok ini.

"Tidak sempat nak laksanakan perancangan itu, seorang profesor dari USM yang juga pakar tiram mencadangkan supaya saya bersama beberapa individu lagi menternak tiram," katanya ketika ditemui di ladang ternakan tiram di Kampung Sungai Batu Besi baru-baru ini.

Menurut anak tempatan dari Kampung Pengkalan Langgar, Merbok itu, dia kemudian bersetuju dengan cadangan tersebut dan usahanya itu terus berkembang dengan kini terdapat tujuh rakit ternakan tiram.

"Benih tiram berukuran kira-kira 2 sentimeter (sm) diperoleh daripada penjual di Baik Pulau, Pulau Pinang sebelum kita masukkan ke dalam bekas khas yang digantung pada tali.

"Bekas itu kita masukkan ke dalam sungai dan proses membersihkan tiram daripada benda asing seperti daun hanyut, lumut dan teritip serta siput yang melekat pada cangkering perlu dilakukan dari semasa ke semasa," ujarnya.

Katanya, ladang ternakannya itu semakin berkembang yang kini mempunyai tujuh rakit tiram hasil tunjuk ajar profesor USM terabit serta pembiayaan menerusi geran projek tiram universiti berkenaan.



TIRAM enak dimakan sama ada secara mentah atau dikukus bersama perahan lemon, bawang goreng dan sos istimewa di restoran terapung Sungai Merbok.



SELEPAS dibersihkan, Mohamad Ridwan akan mengasingkan tiram mengikut saiz sebelum memasukkannya semula ke dalam Sungai Merbok sehingga mencapai usia dewasa.



BEKAS berisi tiram dibersihkan daripada sisa buangan hanyut seperti daun.

"Alhamdulillah, satu cawangan baharu di Segantang Garam dibuka dua tahun lalu yang mana ia menjadi tempat ternakan benih tiram.

"Apabila saiznya mencapai 7 sm, ia akan dipindahkan ke Kampung Sungai Batu Besi sehingga mencapai saiz diperlukan kira-kira 8 hingga 10 sm sebelum boleh dipasarkan," jelasnya.

Katanya, proses membersihkan tiram daripada bahan asing seperti lumut, daun hanyut serta teritip dan siput kecil

pada cangkering perlu dilakukan secara berulang kali.

"Selepas tiram bersih, kita akan lakukan proses penggedan dengan mengasingkan tiram mengikut saiz," katanya.

Menurutnya, ladang ternakan itu mampu mengeluarkan kira-kira 1,200 tiram dewasa yang boleh dipasarkan pada setiap bulan.

Katanya, tiram Sungai Merbok menjadi hidangan di restoran terapung diusahakan sendiri di pelantar ternakan tiram Kampung Sungai Batu Besi.

"Kita tawarkan tiram ini sama ada dimakan secara mentah atau dikukus sekejap.

"Harga tiram mengikut saiz iaitu antara RM5 hingga RM7 setiap satu," katanya.

Selain itu, katanya, tiram juga dijual kepada peraih di Pulau Pinang dan pemilik restoran di Kuala Lumpur dan Johor.

Menyentuh tentang rasa tiram dari Sungai Merbok, katanya, rasa tiram biasanya mengikut air dan persekitaran kawasan ternakan.

"Itulah keunikan tiram yang mana penggemar tiram pasti dapat rasa perbedaannya dengan kawasan ternakan lain.

"Tiram di Sungai Merbok menjadi kegemaran ramai pelanggan dari seluruh negara, yang mana mereka suka kerana teksturnya lembut serta rasanya berlemak dan manis serta tidak pahit," ujarnya.

Katanya, tiram biasanya dinikmati dengan air perahan lemon, bawang goreng serta dicicah dengan sos istimewa.

"Ramai juga yang pertama kali datang sini pada mulanya enggan makan mentah, tetapi bila rasa sekali, mereka pasti jatuh cinta dengan kelazatan tiram segar," katanya.

Ujarnya, selain tiram, restorannya turut menawarkan hidangan makanan laut lain pada harga berpatutan.

"Restoran dibuka setiap hari kecuali Jumaat dari pukul 11 pagi hingga 6 petang," katanya.

Tambahnya, dia gembira apabila orang ramai kini dapat merasai kelazatan tiram pada harga berpatutan berbanding hanya di hotel-hotel terkemuka.



DIBA ZULITA SOFEA (kiri) dan Nur Harnani menunjukkan tiram yang dikternakan di Sungai Merbok.

Potensi industri tiram Sungai Merbok

PENTERNAKAN tiram di Sungai Merbok menjadi salah satu tarikan menarik di Merbok, selain tapak arkeologi Lembah Bujang yang terletak berhampiran.

Industri ternakan tiram di situ dilihat berpotensi untuk dimajukan, seterusnya menjadi nilai tambah sektor pelancongan.

Pelajar bidang pelancongan dari Kolej Komuniti Jerai, Diba Zulita Sofea Zanal Abidin, 20, berkata, dia melihat Industri ternakan tiram sangat menarik dan unik serta mampu menarik ramai pelancong.

"Kita tahu kawasan ini terkenal dengan tapak arkeologi yang menjadi tumpuan ramai pelancong dari dalam dan luar negara.

"Jadi, industri tiram ini saya lihat perlu dibangunkan lagi termasuk daripada segi infrastruktur dan kemudahan akses ke situ," katanya yang berasal dari Ipoh, Perak.

Katanya, ramai yang mula menggemari tiram dan makanan unik itu perlu dipopularkan lagi kepada orang ramai.

Dia pada masa sama mencadangkan agar jalan akses ke pelantar ternakan tiram itu dinaik taraf, selain meletakkan papan tanda di jalan utama.

Rakan sepengajalannya, Nur Harnani Hosman, 20, dari Baling, Kedah pula berkata, jualan tiram di Sungai Merbok juga perlu dipromosikan lagi terutama menerusi media sosial.

"Mungkin kerajaan negeri boleh bantu dengan beri peruntukan bagi menarabih bilangan rakit dan benih tiram," ujarnya.

Tambahnya, selain tiram, pengusaha boleh mempelbagaikan perkhidmatan seperti aktiviti kayak dan bot di situ.

Mereka berdua ialah pelajar tahun dua dalam Sijil Pengembaraan Pelancongan, Kolej Komuniti Jerai menjalani praktikal di Tiram Sungai Merbok selama empat bulan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2022	KOSMO	NEGARA	10

Oh durian Pahang

"MARI-MARI rasa durian Pahang, terbaik dan sedap."

Belum pun memasuki musim durian di negeri ini, tetapi durian Pahang sudah dijual di Lembah Klang.

Itulah taktik sebahagian peniaga tidak bertanggungjawab yang menipu pembeli bagi melariskan jualan serta memastikan durian mereka dijual dengan harga yang tinggi.

Keenakan durian Pahang sama ada musang king atau premium kampung sememangnya dikatakan tiada tandingan dengan durian lain.

Pahang sememangnya terkenal dengan durian seperti musang king yang hidup subur khususnya di Raub, Bentong, Jerantut dan Lipis.

Berdasarkan rekod daerah Raub yang dikatakan mempunyai tanah yang paling subur untuk penanaman musang king yang mana daerah emas itu mempunyai lebih 600,000 pokok durian yang direkodkan pada 2020 di atas tanah seluas 9,826 hektar.

Pada tahun 2020, jumlah pengeluaran durian yang direkodkan di daerah Raub sahaja adalah sebanyak 81,996 tan metrik dengan hasil jualan RM1.493 bilion.

Bagi 2021, pengeluaran pelbagai jenis durian di Pahang merekodkan sebanyak 107,385.7 tan metrik dengan anggaran nilai lebih RM2 bilion.

Selain itu, Pahang juga mempunyai durian kampung premium



Namun, siapa tahu durian yang dijual itu daripada Pahang atau sebaliknya dari tempat lain yang menggunakan nama 'durian Pahang' sebagai pelaris."

setanding musang king seperti durian hijau, durian beserah dan durian Chok Villa yang menjadi rebutan penggemar raja buah itu.

Kedatangan musim durian di Pahang bermula dua minggu lalu pastinya memberi berita gembira kepada penggemar durian.

Jadi tidak hairanlah setiap kali hujung minggu daerah seperti Bentong, Raub dan Jerantut pastinya dipenuhi penggemar raja buah itu yang datang menikmati keenakan durian Pahang.

Meskipun harga yang agak tinggi iaitu RM25 sehingga RM60 sekilogram bagi musang king ia tidak menjadi penghalang kepada peminat durian.

Bagi mereka yang tidak berkesempatan untuk datang

ke Pahang pastinya hanya membeli daripada penjual di kawasan masing-masing.

Namun, siapa tahu durian yang dijual itu dari Pahang atau sebaliknya dari tempat lain yang menggunakan nama 'durian Pahang' sebagai pelaris.

Penipuan seperti ini tidak wajar sekali dan pihak berkaitan perlu mengambil perhatian bagi memastikan penggemar durian Pahang tidak terus tertipu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi Pahang, Datuk Seri Mohd. Sofi Abdul Razak, penipuan penjualan durian Pahang khususnya di ibu kota dibimbangi akan menjejaskan penguasaan durian 'asli' Pahang.

Sehubungan itu, katanya, dalam mengatasi isu ini kerajaan negeri bercadang mewujudkan Lembaga Durian Pahang yang akan melibatkan pelbagai pihak berkaitan termasuk kerajaan negeri dan pemain industri.

Katanya, penubuhan lembaga ini akan dapat mewujudkan satu standard durian Pahang bagi menjamin kualiti raja buah berkenaan.

Semoga 'Lembaga' yang bakal ditubuhkan ini dapat memastikan peminat tegar durian Pahang tidak tertipu dan dapat menikmati keenakan durian Pahang di luar negeri Tok Gajah.

Bagaimanapun, jangan pula nanti buah durian negeri lain pula dibawa dijual di Pahang dengan nama Durian Pahang.

Pengguna, peniaga dapat manfaat

Harga siling bergerak akan wujudkan situasi menang-menang antara pengguna, peniaga

Oleh **RAIHAM MOHD SANUSI**
SHAH ALAM

Keputusan kerajaan untuk memperkenalkan harga siling bergerak yang bergantung kepada harga input bagi barangan makanan menang-menang antara pengguna dan peniaga.

Pakar ekonomi, Profesor Emeritus Dr Barjoi Bardai berkata, pengguna langkah manfaat kerana peniaga tidak boleh mengambil untung berlebihan ataupun meng-

eksploitasi pengguna. Menurutnyanya, peniaga pula mendapat manfaat dari segi penetapan harga siling yang mengambil kira kos input bagi pengeluaran bahan makanan berkenaan.

"Sebelum ini kerajaan mengenakan harga siling tanpa mengambil kira kos input. Jadi walaupun harga input naik, harga siling yang ditetapkan adakalanya lebih rendah daripada kos input itu sendiri.

"Misalnya harga siling ayam adalah RM8.90 sekilogram tetapi kalau kos inputnya hampir RM10 sekilogram, itu yang menyebabkan peruncit kata mustahil untuk mereka menjual ayam pada harga siling tersebut," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Isnin

bahawa harga siling bergerak berubah kepada faktor harga input akan diperkenalkan kerajaan.

Menurutnya, langkah itu seiring dengan perancangan bantuan terus bersasar kepada golongan yang memerlukan seperti yang diumumkan sebelum ini.

Mengulas lanjut, Barjoi menegaskan, menerusi pengenalan harga siling bergerak itu kerajaan mahu berlaku adil kepada semua peniaga dengan mengambil kira kos input.

Katanya, dalam konteks itu turun naik harga siling akan bergantung kepada kos input.

"Dari kos input itu akan ditentukan margin yang sesuai untuk penernak, pemborong dan peruncit seterusnya ditetapkan harga siling.

"Langkah ini akan menjamin penernak, pemborong dan peruncit tidak mengambil untung

berlebihan tetapi ia tidak menjamin bahawa harga ayam atau barang lain akan turun kerana akhirnya ia akan bergantung kepada kos input," jelas beliau.

Justeru itu, Barjoi berkata, penyaluran subsidi secara terus kepada pengguna dapat membantu sekiranya kos input bahan makanan meningkat.

Pada masa sama, katanya, kerajaan perlu memikirkan cara untuk mengurangkan kos input pengeluaran makanan terutamanya memikirkan penggantian kepada bahan asas makanan ternakan.

"Contohnya untuk menurunkan kos input menternak ayam, jagung dan kacang soya yang diimport boleh digantikan dengan input dalam negeri

seperti gunakan pelepah dan hampas kelapa sawit dan hampas kelapa.

"Ia boleh menggantikan sebahagian besar daripada input dan kosnya akan jadi jauh lebih rendah," ujarnya.

Beliau berkata, sekiranya kerajaan dapat menurunkan kos barang makanan, ia boleh mengurangkan kos sara hidup rakyat kerana ketika ini lebih 40 peratus perbelanjaan isi rumah adalah kos barang makanan.

Harga siling bergerak bakal dipkenalkan



Keratan *Sinar Harian* pada Selasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/6/2022	HARIAN METRO	LOKAL	18

TANGANI KRISIS BEKALAN MAKANAN

Johor kenal pasti 1,214 hektar tanah

Johor Bahru: Kerajaan negeri mengenal pasti 1,214 hektar tanah untuk diusahakan dengan tanaman bernilai tinggi bagi menangani krisis bekalan makanan.

Menteri Besar Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, langkah itu dilakukan supaya bekalan makanan negeri sentiasa terjamin, sekali gus mengelakkan berlaku krisis bekalan.

Kata Onn Hafiz, ketika ini, dunia sudah mula mengalami krisis bekalan makanan akibat ketidakstabilan geopolitik serantau dan kadar inflasi global yang meningkat.

"Kerajaan negeri mengenal pasti 1,214 hektar tanah untuk diusahakan dengan tanaman bernilai tinggi, bukan saja bagi tujuan domestik malah eksport.

"Saya menggesa supaya kita turut menguasai setiap aktiviti dalam ranjatan nilai ekonomi makanan ini bagi menjadikan hasrat dari lajang ke meja makan menjadi kenyataan," katanya ketika menyampaikan amanat khas di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada (Persada) di sini, semalam.

Dalam pada itu, Onn Hafiz berkata, kerendah birokrasi yang sekian lama dikaitkan dengan perkhidmatan awam perlu ditangani dan dihapuskan.



ONN Hafiz melawat pameran selepas Majlis Amanat Khas Menteri Besar Johor di Persada, Johor Bahru. - Gambar NSTP/NUR AISYAH MAZALAN

"Kita perlu serius dan mengubah budaya kerja dengan meningkatkan keberkesanan, keseragaman dan kecekapan penyampalan perkhidmatan awam kita supaya pelabur lebih tertarik untuk datang melabur di Johor.

"Saya tidak sekali-kali menafikan usaha yang dilaksanakan untuk meningkatkan sistem penyampalan perkhidmatan awam seperti mewujudkan sistem atas ta-

nya. Terdahulu, Onn Hafiz menggariskan enam teras utama bagi memastikan visi menjadikan Johor negeri maju menjelang 2030.

Enam teras utama yang difokuskan itu adalah tadbir urus kerajaan, pembanguan ekonomi, jaringan keselamatan sosial, teras kemudahan dan keperluan asas, keselamatan dan kebersihan alam sekitar serta orang muda Johor.

Pulih tanah terbiar

Kerajaan Negeri Sembilan laksana projek pengeluaran makanan bagi keperluan rakyat

Oleh Mohd Amin Jalil
am@hmetro.com.my

Seremban

Kerajaan negeri akan bekerjasama dengan kerajaan Pusat dalam melaksanakan projek pengeluaran makanan bagi keperluan rakyat negeri dan negara ini.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir berkata, pihaknya bersedia untuk memberi ruang bagi meningkatkan keluasan tanah atau memulihkan tanah terbiar untuk projek penternakan mahupun pertanian.

Menurutnya, kerajaan negeri sentiasa proaktif dalam memajukan sektor makanan dan pelbagai projek sudah dan sedang diusahakan bagi menambah pengeluaran makanan untuk rakyat.

Katanya, usaha itu termasuk memulih dan memajukan kolam serta tanah terbiar dengan projek ekonomi.

"Malah, kita juga sudah menjalinkan kerjasama dengan kerajaan Selangor bagi membangunkan tapak projek ternakan lembu National Feedlot Corporation (NFC) terbengkalai di Gemas, dengan tanaman jagung bijirin.

"Terbaru, kita menawarkan kepada pengusaha un-



BAKRI

tuk mengusahakan kawasan seluas kira-kira 200 hektar di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) di negeri ini bagi aktiviti penternakan.

"Selain itu, seluas 40 hektar lagi di Gemas akan dibangunkan dengan projek pertanian yang akan bermula dalam tempoh terdekat," katanya.

Beliau mengulas mengenai usaha kerajaan Pusat yang menggariskan lima langkah untuk memastikan sekuriti makanan terjamin.

Bakri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Klawang berkata, terdapat banyak ruang untuk ditingkatkan dari segi keluasan tanah untuk dimajukan dengan projek makanan.

Beliau bagaimanapun berharap kerajaan pusat atau agensi berkaitan lebih serius dalam melaksanakannya.

Bisnes



PRODUKTIVITI pertanian yang lebih tinggi akan memberikan hasil tiga kali ganda.

Oleh Sri Ayu
Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur.

Kerajaan akan mengukuhkan sektor pertanian sebagai sebahagian daripada inisiatif strategik untuk mempercepatkan transformasi berstruktur kerana produktiviti pertanian yang lebih tinggi akan memberikan hasil tiga kali ganda.

Hasil berkenaan meliputi jaminan makarian yang mampan, sumber manusia lebih produktif dan penggunaan tanah dan air yang lebih cekap.

Timbalan Menteri Kewangan 1, Datuk Mohd Shahrar Abdullah berkata, kerajaan perlu menggalakkan sektor yang mempunyai kelebihan perbandingan selain memupuk sektor utama seperti pertanian yang membabitkan sebahagian besar masyarakat.

"Transformasi pertanian kekal sebagai pemacu pemangkin kepelbagaian ekonomi, perindustrian dan kemajuan insan melalui kesannya terhadap pendapatan isi rumah, pekerjaan dan kesejahteraan masyarakat," katanya dalam ucapan terna pada Sidang Kemuncak Ekonomi Malaysia 2022 bertemakan "Mempercepatkan Transformasi Struktur, Memacu Pertumbuhan Ekonomi" (*Accelerating Structural Transformation, Driving Economic Growth*) di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi

PEMACU PEMANGKIN KEPELBAGAIAN EKONOMI

PERKUKUH SEKTOR PERTANIAN



Kerajaan perlu galak sektor mempunyai kelebihan perbandingan selain memupuk sektor utama seperti pertanian yang membabitkan sebahagian besar masyarakat"

Mohd Shahrar



Majlis Penasihat ECKL dan Pengerusi Bursa Malaysia, Tan Sri Abdul Wahid Omar dan Presiden Institut Strategik KSI untuk Asia Pasifik, Tan Sri Michael Yeoh.

Mohd Shahrar berkata, berikutan asas ekonomi negara yang kukuh serta sistem penjagaan kesihatan awam yang berkesan, kerajaan seharusnya lebih bersedia sekarang dari segi mekanisme untuk merancang, melaksana, mengurus dan memantau semua perancangan, pembangunan dan

dasar dalam bersiap sedia untuk masa depan.

Mengenai tindakan strategik lain yang perlu diambil selain daripada menggalakkan sektor utama seperti pertanian, Mohd Shahrar berkata, kerajaan juga perlu melaksanakan strategi bersepadu dan perkongsian luas untuk mengukuhkan institusi, menangani halangan kawal selia dan memastikan perlindungan yang mencukupi untuk pelabur dan pekerja.

"Ini akan mengurangkan

ketidakstabilan makroekonomi dan politik, menggalakkan persekitaran yang kompetitif untuk industri tempatan, meningkatkan pelaburan domestik dan luar serta mewujudkan akses kepada pembiayaan jangka panjang," katanya.

Selain itu, keutamaan mesti diberikan kepada infrastruktur sosial dan ekonomi yang merangkumi keselamatan sosial dalam membangunkan masa depan yang lebih inklusif dan mampan.

"Bantuan tunai dan program subsidi bahan api akan dipertingkatkan melalui mekanisme pengagihan yang lebih berkesan, beralih daripada subsidi menyeluruh kepada subsidi lebih fokus," katanya.

Sementara itu, Mohd Shahrar juga berkata, Kementerian Kewangan turut komited untuk mengambil penglibatan awam dan pihak berkepentingan secara meluas bagi mendapatkan input dan cadangan semasa penyediaan dan pemuktamad Bajet 2023.

21ST CENTURY AGRICULTURE

Adopt smart farming towards sustainable food security



**DR HOE-HAN
GOH**

IN the 21st century, agriculture has to respond to challenges. With the goal to feed the ever-growing global population sustainably, the next green revolution shifts towards climate-smart farming.

Agriculture today needs to sustain ecosystem health and drive restoration by reversing soil degradation and overcoming environmental problems from the intensive use of chemicals in modern agriculture.

Environmental-friendly organic farming should be encouraged among smallholder farms.

An integrated pest management system with biological controls can ensure sustainability, while intercropping with complementary plants such as legumes keeps soil good and fertile with minimal chemical inputs.

However, most farmers are discouraged by extra labour and

time required for agro-ecological practices. Therefore, incentives should be provided to organic farmers to help in promoting their farm produce with subsidies.

Beyond food security, agriculture is central to addressing poverty, water, biodiversity, sustainable cities, sustainable energy, as well as climate change for being the major contributor to greenhouse gases. Therefore, it is pertinent to put agriculture as the main agenda for not just the Agriculture and Food Industries Ministry, but also other ministries at federal and state levels.

A cross-ministry taskforce should include representatives from Domestic Trade and Consumer Affairs, Education, Energy and Natural Resources, Entrepreneurship and Cooperatives Development, Environment and Water, Federal Territories, Finance, Human Resources, International Trade and Industry, Local Government, Plantation Industries and Commodities, Rural Development, and Science, Technology and Innovation Ministries.

Such cross-sector coalitions should be formed at all levels, including regional strategic planning at city councils.

An active allocation of organised farm lands should be en-

couraged to improve greenery landscapes in building a sponge city that prevents flash floods.

This should be done in a democratic way along with community- and farmer-based organisations to fit local priorities on land use, crop types and ecosystem management.

The planning of future agriculture must consider sustainability of intensive production systems, environmental and efficiency concerns, equity and management of natural resources.

This could shift agricultural landscapes from a net source to a net sink of greenhouse gases. Achieving inclusive agricultural green growth requires public policies and incentives to protect and restore lands with high conservation and carbon values like natural forests, peatlands and mangroves.

Malaysian agriculture needs to catch up with the latest technology for transitioning from traditional labour-intensive to smart knowledge-based automated agriculture. This includes precision farming, crop modelling, simulation, and forecasting systems for crop yield sustainability.

We need to train a new generation of farmers or entrepreneurs to adopt the knowl-

edge and predictive tools in precision and adaptive agriculture towards sustainable production for food and energy security challenges under climate change.

Professional agricultural skills training at vocational colleges and modern agricultural programmes at university can be introduced to reinvent agriculture as an attractive industry with potentially lucrative returns.

In other countries, blockchain technology has been applied in farmer insurance, contracts and farm produce traceability.

Nowadays, we have artificial intelligence-assisted drone technology for aerial geographical information system monitoring and smart agrichemical applications.

We need a paradigm shift towards smart farming that involves smart sensing and monitoring using Internet of Things, smart analysis and planning, and smart control in a cyclical process from observation to understanding for prediction and forecasts.

This will realise automated management of greenhouses. Agronomy is key to inform good farming practices and husbandry for maximising crop yields via precision farming approaches.

Customised information of individual farms is essential for

troubleshooting issues concerning microclimate, soil types, nutrient deficiency, heavy metal contamination, and others.

Inventive harvesting technology will help reduce labour dependency, while creative post-harvest technology can minimise losses in the supply chain.

Most importantly is the fiscal incentives for agropreneurs to venture into smart farming with sufficient allocation of financial supports, such as green loans and tax exemptions.

Apart from selling local produce, farmers can diversify their prospects via eco-tourism, such as pasture lands, padi fields, tea plantations, and tropical fruit resorts or homestays. This not only promotes local tourism for rural developments, but also provides retreats for younger generations.

Lastly, there should be stronger links between farmers in rural areas and city dwellers to create stable supply chains and market systems. As the 21st century advances, we hope to have more sustainable agricultural landscapes for people, food and nature.

The author is an associate professor at the Institute of Systems Biology, Universiti Kebangsaan Malaysia

WEDNESDAY, JUNE 15, 2022 . NewStraitsTimes

NEWS / *Story of the day*

A worker processing chicken at a wholesale outlet in Kampung Mengabang Telung, Kuala Nerus, yesterday. BERNAMA PIC

FOOD SECURITY

'LET MARKET FORCES STABILISE FOOD PRICES'

Spike in prices will prompt producers to boost supply, which will lower prices, says economist

DHESEGAAN BALA KRISHNAN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE best way to curb rising food prices is to allow market forces to restore the balance between supply and demand, a prominent economist said yesterday.

Centre for Market Education chief executive officer Dr Carmelo Ferlito said the current spike in food prices would prompt producers to boost supply, which would in turn bring down prices.

He warned that the government's decision to introduce a moving ceiling price for food could rattle the supply chain and worsen the supply crunch.

"In the first place, it is important to recognise that the government created the discrepancy between supply and demand, which has led to food insecurity, by introducing lockdowns.

"The government's monetary expansion and imprudent expansive fiscal policy have also led to inflation. So, they cannot play the firefighter role now after breaking the eggs.

"We need to accept a period of high prices to get the supply to

converge with demand and bring prices down. This is unavoidable.

"Price ceilings and export bans will only prolong the problem.

"This will discourage producers from increasing supply, so once these measures are removed, prices of food items will skyrocket again.

"As such, we need to remove all obstacles for producers to step up supply and strengthen international trade," he told the *New Straits Times*.

Ferlito raised these concerns after Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said on Monday that the Economic Action Council had agreed to introduce a "moving ceiling price" for food.

Ismail Sabri said the government was mulling a new mechanism to manage the ceiling prices of goods based on market fluctuation.

He said the move was meant to strengthen the country's food security.

He said the council meeting also agreed to introduce flexible ceiling prices that would change according to price input factors.

This was in line with the government's plan to introduce targeted assistance for the needy.

Ferlito said this move could mean the ceiling price of food would be adjusted according to changes in the price of various input in the supply chain.

He warned that this mechanism, where prices are fixed by the government and market forces are disregarded could lead to economic collapse.

He said the prices of food were not determined by production costs, but by supply and demand in the market.

"Prices are interconnected. Consumption and production decisions are based on relative prices and profit expectations.

"If some of the prices are not determined by the market, they do not reflect the actual structure of demand and supply and could lead to wrong production decisions.

"Real prices — that correspond to the structure of supply and demand — emerge in the market and are not based on costs.

"Government-fixed prices are not prices at all. They are just arbitrary figures. These artificial prices can potentially bring wrong products at wrong prices into the market, compromising the entire economic system.

"This means the economic system will be flooded with products that are not in demand (wasted resources) and there may be shortage of what the market is asking for."

Associate Professor Dr Ahmed Razman said the government might have to spend more on subsidies if moving ceiling prices for food came into effect.

"Adopting moving ceiling prices can curb food price hikes, but only temporarily. In the long run, the move will incur additional expenditures for the government to subsidise food prices."

Page 1 pic: People shopping in Kuala Lumpur recently.